

HARI MINGGU PASKA KE-6 (A)

Kisah 8:5-8. 14-17; Mazmur 65:1-7. 16. 20. Ayat. 1; 1 Petrus 3:15-18

Yohanes 14:15-21

Tema: YESUS MEMBERI KITA ROH KUDUS AGAR DIA AKAN BERSAMA KITA UNTUK SELAMA-LAMANYA

1. Berkat dan sukacita Paska bersama kamu! Hari ini adalah Hari Minggu Paska Ke-6 dalam Tahun Liturgi A, dan Minggu depan ialah Minggu Kenaikan Tuhan dan Minggu seterusnya adalah Minggu Petekosta, iaitu, kedatangan Roh Kudus! Yesus naik kesurga bukan meninggalkan kita tetapi untuk mengutus Roh Kudus agar Dia dapat bersama kita untuk selama-lamanya!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus akan meminta Bapa untuk memberi kita Roh Kudus untuk bersama kita selama-lamanya! Injil memberitahu kita bahawa Yesus tidak akan meninggalkan kita yatim piatu, tetapi sama seperti Yesus adalah di dalam Bapa, kita adalah di dalam Yesus dan Yesus di dalam kita melalui Roh Kudus. Akhir sekali Injil memberitahu kita bahawa bukan sahaja Yesus, tetapi Yesus bersama Bapa akan tinggal didalam kita melalui Roh Kudus. Ini dapat kita baca dalam Pengantar Injil hari ini (Yoh 14:23; CSB) dan dari ayat terakhir Injil hari ini (Yoh 14:21:NJB)!

Allah itu adalah kasih! Allah mencipta kita kerana kasih, tetapi apabila kita berdosa Dia lebih mengasihi kita, Dia menjadi manusia dalam Yesus Kristus untuk selamatkan kita, tetapi apabila kita membunuh-Nya di salib, Dia lebih mengasihi kita, Dia bangkit dari alam maut dan memberi kita Roh Kudus tinggal dalam kita dan di dalam kita.

Dia lebih dekat dengan kita dan dari kita pada diri sendiri, Dia mengasihi kita lebih dari kita mengasihi diri kita sendiri dan Dia mengenal kita lebih dari kita mengenal diri kita sendiri! Kemudian akan datang hari berakhirnya dunia, iaitu, berakhirnya dunia kejahatan dan akan Kedatangan Kedua kalinya Yesus Kristus di mana semuanya akan diselamatkan!

2. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa mereka yang menerima Roh Kudus akan mewartakan kabar gembira! Bacaan pertama memberitahu kita bahawa kedua belas rasul telah memilih tujuh orang yang telah di penuhi Roh Kudus untuk membantu mereka membagi-bagikan makanan agar para rasul mempunyai lebih masa untuk berdoa dan mewartakan kabar gembira!

Antara mereka adalah Stefanus dan Philipus! Tetapi tidak mengherankan, bahawa selepas itu kita tidak lagi mendengar Stefanus atau Philipus membagi-bagikan makanan, melainkan kita mendengar mereka mewartakan kabar gembira. Bahkan Stefanus mewartakan kabar gembira sehingga dia telah mati dilontar batu dan menjadi martir pertama!

Bacaan pertama hari ini memberitahu kita bahawa Philipus mewartakan kabar gembira di Samari dan orang-orang di Samaria menerima firman Allah, sebab mereka telah mendengar atau telah melihat sendiri mujizat-mujizat yang dilakukan oleh Philipus! Mereka yang dirasuk iblis dibebaskan dan mereka yang sakit telah disembuhkan dan orang-orang di penuhi dengan sukacita!

Bacaan pertama juga memberitahu kita bahawa apabila para rasul di Yerusalem mendengar bahawa orang-orang Samaria telah menerima sabda Allah, mereka mengutus Petrus dan Yohanes untuk mendoakan mereka supaya mereka akan menerima Roh Kudus! Apakah ini bererti kita tidak menerima Roh Kudus masa Pembaptisan? Tidak! Apakah ia bererti jika kita dibaptis hanya dalam nama Yesus dan tidak dalam nama Tritunggal kita tidak menerima Roh Kudus? Tidak! Jadi apakah ertinya? Ia bermaksud bahawa kita harus berada didalam “berkomuni bersama para rasul”/Gereja! (NJBC). Petrus dan Yohanes mewakili Kedua-belas rasul. Mereka mewakili Gereja! Mereka mewakili “peranan Gereja didalam menganugerahi Roh Kudus”. (CSB).

Itulah sebabnya mengapa orang Kristian yang bukan Katolik harus di beri Penguetan sebelum mereka di terima masuk ke dalam Gereja Katolik dan itulah sebabnya mengapa orang Kristian yang di baptis hanya dalam nama Yesus harus di baptis semula dalam nama Tritunggal dan di beri Penguetan sebelum mereka diterima ke dalam Gereja Katolik.

3. Bacaan kedua memberitahu kita bahawa kabar gembira yang kita wartakan itu adalah bahawa dengan kematian dan kebangkitan-Nya “Kristus yang sebenarnya menyelamatkan yang tidak bernalar”(CSB)! Dengan itu kita baca dalam bacaan kedua:

“Sebab juga Kristus telah mati sekali untuk segala dosa kita. Ia yang benar untuk orang-orang yang tidak benar, supaya Ia membawa kita kepada Allah; Ia yang telah dibunuh sebagai manusia, tetapi telah dibangkitkan menurut Roh.”. (1 Pet 3:18; SM)

Dan ia adalah semuanya karya Allah! Dan itulah sebabnya mengapa dalam Mazmur antarbacaan kita memberi puji dan syukur kepada Allah atas peyelamatan kita!

4. Mazmur antarbacaan adalah madah/doa puji dan kesyukuran kepada Allah kerana penyelamatan kita! Dengan itu kita menyahut:

“Bersorak-sorailah bagi Allah, hai seluruh bumi.” atau “Alleluia!”

Dan rangkap ketiga Mazmur antarbacaan:

“Allah mengubah laut menjadi tanah kering, mereka menyeberang sungai tanpa menjadi basah, mari kita bersorak-sorak kepada Allah. Ia memerintah dari benteng-Nya yang abadi.” (Mzm 65(66):6a; SM)

Rangkap ketiga meringkaskan seluruh sejarah penyelamatan Israel dengan merujuk kepada Kitab Keluaran dari Mesir melalui Lautan Merah dan menyeberang sungai Yordan dan masuk ke Tanah Perjanjian! Bagi kita ia meringkasi penyelamatan kita dengan merujuk kepada pembaptisan kita dan kemasukan kita ke surga!

5. Allah telah melakukan segala-galanya untuk kita! Bagaimana kita harus bertindak? Mazmur memberitahu kita bahawa kita harus menyahut dengan memberi puji dan syukur kepada-Nya. Bacaan pertama memberitahu kita supaya menyahut dengan mewartakan kabar gembira, Injil memberitahu kita menyahut dengan mengasihi Yesus dengan mematuhi hukum-hukum-Nya, terutama hukum terbesar untuk mengasihi Allah dan jiran, dan bacaan kedua memberitahu kita menyahutnya dengan menderita melakukan apa yang benar dan bukan sengsara kerana melakukan apa yang salah. Dengan cara ini kita akan mewartakan kabar gembira bukan sahaja dengan perkataan kita, tetapi juga dengan perbuatan kita dan kehidupan kita! Sekali lagi, sukacita dan berkat Paska untuk kamu semua! Amen!

Cadangan soalan-soalan untuk renungan pribadi dan untuk perkongsian dalam keluarga, dengan kumpulan-kumpulan dan dengan komuniti-komuniti:

1. Bagaimana, bila dan dimana kamu menerima Roh Kudus?
2. Apa yang kamu lakukan selepas kamu menerima Roh Kudus?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia

Rujukan: Catholic Study Bible (CSB); New Jerusalem Bible (NJB); New Jerome Biblical Commentary (NJBC); Sunday Missal (SM).